

DISEMBER
2021

Rasmi
Kesemilan dan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

TAHNIAH KEPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP, YH. DATO' MOHD FAIZAL BIN JAAFAR



Pengurusan dan Warga Kerja Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Anak-Anak Syarikat ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar di atas penganugerahan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP.) yang membawa gelaran DATO'.

Penganugerahan ini bersempena dengan memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke-62 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Ikhlas daripada Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Warga Kerja Kumpulan PKNP.

PKNP SUMBANG RM 500,000.00 KEPADA KERAJAAN NEGERI PAHANG

Kuantan, 8 Disember-Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menyumbang RM 500,000 kepada Kerajaan Negeri Pahang melalui Tabung Perpendaharaan Negeri Pahang dalam satu majlis ringkas di AC Hotels by Marriott, Kuantan.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail menerima replika cek yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar sebelum mempergerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP kali ke-3 bagi tahun 2021.

Terdahulu beliau telah memotong pulut kuning sebagai simbolik meraikan ulang tahun penubuhan PKNP yang ke-56.

Turut hadir adalah Setiausaha Kerajaan Pahang, YH. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Ahli-Ahli Perbadanan PKNP, Pengurusan PKNP dan Pegawai PKNP yang terlibat.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menyerahkan replika cek kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail



YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail mempergerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2022



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU

2022

Ikhlas Daripada,

Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan Warga Kerja Kumpulan PKNP



Tahun 2021 kini melabuhkan tirainya, esok tahun 2022 menjelma membawa seribu satu harapan dan impian untuk dicapai.

Segala cerita yang terlukis sepanjang 2021 akan kekal menjadi memori sebagai pengalaman dan pedoman bersama.

Penghujung 2021 ditutup dengan musibah banjir yang melanda negara termasuk di Negeri Pahang.

Bagi yang terkesan dengan bencana ini, kami mendoakan anda untuk terus sabar dan kuat menempuh ujian ini.

Marilah kita bersama - sama berdoa supaya kita mampu bangkit menempuh tahun 2022.

Selamat Menyambut Tahun Baru 2022 dari Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Warga Kerja Kumpulan PKNP

YB. TIMBALAN MENTERI KEWANGAN MELAWAT TAPAK PUSAT KECEMERLANGAN DRON PAYA BUNGOR



YB. Dato' Indera Shahar bin Abdullah sempat berbincang dengan Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim

Paya Besar, 15 Disember - YB. Timbalan Menteri Kewangan 1, Dato' Indera Shahar bin Abdullah merangkap Ahli Parlimen Paya Besar telah melakukan lawatan tapak ke Pusat Kecemerlangan Dron Paya Bungor baru-baru ini.

Lawatan tapak ini adalah anjuran Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Paya Besar di mana PKNP turut dijemput bersama untuk menyertai lawatan ini.

Pihak PKNP diwakili oleh Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim serta beberapa Pegawai-Pegawai PKNP yang lain.

MESUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN KUMPULAN PKNP PAHANG BERHAD

Kuantan, 19 Disember - Seramai 232 orang ahli Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP Pahang Berhad (Koperasi PKNP) telah menghadiri Mesyuarat Agung kali ke-27 pada 19 Disember 2021 yang lalu secara dalam talian melalui aplikasi Zoom dan dipancarkan secara langsung melalui Facebook Live.

Sesi perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar melalui rakaman video yang dirakam lebih awal.

Antara agenda Mesyuarat Agung adalah melantik 4 orang calon Anggota Lembaga bagi sesi 2021 - 2024. Proses pengundian dikawal selia oleh pihak CTRM Koop.

Untuk rekod, Koperasi PKNP telah mencatatkan keuntungan RM 210,938.00 pada tahun 2020 berbanding RM 262,993.00 pada tahun 2019.

Pemberian dividen ke atas saham adalah 6% pada tahun 2020 berbanding 7% pada tahun 2019.

Manakala, pemberian dividen ke atas yuran adalah 6% pada 2020 berbanding 7% pada tahun 2019.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengerusi Koperasi PKNP, YH. Dato' Haji Ahmad Sabri bin Husin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Ahli- Ahli Koperasi PKNP.



Mesyuarat Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP dipancarkan secara langsung dari Tingkat 3, Kompleks Teruntum

SKUAD BENCANA DAN SUKARELAWAN PKNP TURUN PADANG

Kuantan, 22 Disember - Seramai hampir 40 orang ahli skuad bencana dan sukarelawan yang terdiri daripada Warga Kerja PKNP turun padang hari ini membantu anggota pekerja PKNP yang terjejas banjir.

Mereka berganding bahu membersihkan rumah dan mengangkat barang - barang yang kebanyakannya sudah rosak dan tidak boleh digunakan lagi akibat bencana banjir yang melanda Kuantan baru - baru ini.

Kawasan bantuan adalah tertumpu kepada rumah yang teruk dinaiki air disekitar daerah ini iaitu di Cenderawasih, Teluk Mahang, Taman Guru, Kurnia, Inderapura dan Bukit Rangin.

Tahniah untuk semua yang terlibat.



Antara rumah anggota pekerja yang teruk dilanda banjir

PKNP MENYUMBANG BARANGAN HARIAN KEPADA ANGGOTA PEKERJA TERLIBAT BANJIR

Kuantan, 29 Disember - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) melalui Skuad Bencana PKNP yang diketuai oleh Encik Nasry bin Kassim telah menyumbangkan barang keperluan harian kepada anggota pekerja dan pesara PKNP yang terlibat banjir baru-baru ini.

Sumbangan telah diserahkan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun.

Seramai hampir 40 orang penerima yang terlibat dengan banjir dikenal pasti dan dibantu dengan segera.

Selain dari bantuan keperluan harian, skuad ini juga telah turun padang pada hari sebelumnya untuk kerja-kerja pembersihan rumah.

Pengurusan PKNP berharap semoga dengan bantuan yang disalurkan dapat membantu anggota pekerja yang terlibat.



Pesara-Pesara PKNP yang terkesan akibat banjir tidak dilupakan

PKNP ANJUR PROGRAM JALINAN KASIH BERSAMA USAHAWAN PKNP



Antara usahawan yang hadir menerima barangan harian daripada PKNP

Kuantan, 30 Disember - Program Jalinan Kasih Bersama Usahawan PKNP yang dianjurkan oleh Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan serta Bahagian Hal Ehwal Korporat telah diadakan baru-baru ini.

Program yang melibatkan 112 usahawan PKNP di Kompleks Teruntum, Kompleks Dagangan Mahkota dan Medan Niaga PKNP, Sungai Soi ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun.

Program ini bertujuan untuk menyantuni usahawan-usahawan PKNP yang terkesan akibat bencana banjir dan pandemik Covid - 19. Sebanyak 112 beg barangan harian diedarkan bagi meringankan beban mereka yang terlibat.

PKNP BANTU PERSIAPAN BANJIR KERAJAAN NEGERI PAHANG



SUKARELAWAN PKNP BANTU MANGSA BANJIR DI MENTAKAB DAN BENTONG



PKNP HARUMKAN NAMA PAHANG DI MAKSAK 2021



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT

Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN

Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR

Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK

Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO

Encik Saiful Azli bin Yahia
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpakan suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)